

**PENERIMAAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI TERHADAP KEPUTUSAN HUKUM
PRODUK HALAL OLEH MUZAKARAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL
AGAMA ISLAM (MKI)**

***THE ACCEPTANCE OF STATE FATWA COMMITTEES TOWARDS HALAL PRODUCT
RULINGS ISSUED BY THE MUZAKARAH OF THE NATIONAL COUNCIL FOR ISLAMIC
RELIGIOUS AFFAIRS (MKI)***

^{i,ii,*}Zulfaqar Mamat, ^{i,ii}Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ^{i,ii}Lukman Abdul Mutalib, ^{i,ii}Hasnizam Hashim
& ^{i,ii,iii,iv}Ahmad Syukran Baharuddin

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam
Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱInternational Advisory Board Member, Mejallat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSPK), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and
Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

^{iv}Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

*Corresponding Author: zulfaqar@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 4 February 2025
Received in revised form: 28 May 2025
Acceptance date: 24 June 2025
Available online: 16 July 2025

Keywords:

Muzakarah Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs (MKI), halal products, fatwa harmonization, fatwa, Jawatankuasa Muzakarah MKI, produk halal, penyalarsan fatwa, fatwa

Funding:

This research did not receive any specific grant from funding agencies in the public, commercial, or non-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Mamat, Z., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., & Baharuddin, A. S. (2025). Penerimaan jawatankuasa fatwa negeri terhadap keputusan hukum produk halal oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwat Agama Islam (MKI). *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 2(1), 19-34. <https://doi.org/10.33102/pseaa963>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

SDG Elements:

No Poverty



ABSTRACT

There are two main institutions that play a significant role in issuing legal opinions or fatwas in Malaysia, namely the Muzakarah Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia (JMMKI) and the State Fatwa Committees across the country. This study focuses on fatwas related to halal product issues issued by both institutions. The objective is to assess and analyze the level of acceptance by the State Fatwa Committees of the legal opinions on halal products decided by JMMKI. In addition, the study examines the factors contributing to the similarities and differences in fatwa decisions as well as the extent of coordination between the two institutions. A qualitative approach is employed to analyze selected fatwa decisions in order to uncover patterns of conformity or divergence between the two bodies. The findings of this study are expected to provide a deeper understanding of the halal fatwa decision-making process and to explain how the roles and cooperation between these institutions influence the understanding and implementation of halal rulings within the Malaysian Muslim society. In line with Sustainable Development Goal (SDG) 1: No Poverty, this study also emphasizes the importance of harmonizing halal fatwas in ensuring the economic well-being of the Muslim community, protecting the rights of Muslim consumers, and strengthening confidence in the halal market, which contributes to income growth and economic opportunities for the society at large.

Abstrak

Terdapat dua institusi utama yang memainkan peranan penting dalam mengeluarkan pandangan hukum atau fatwa di Malaysia, iaitu Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JMMKI) dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri. Kajian ini memfokuskan kepada fatwa berkaitan isu produk halal yang telah dikeluarkan oleh kedua-dua institusi tersebut. Tujuannya adalah untuk menilai dan menganalisis tahap penerimaan Jawatankuasa Fatwa Negeri terhadap pandangan hukum berkaitan produk halal yang diputuskan oleh JMMKI. Di samping itu, kajian ini turut meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada persamaan dan perbezaan dalam keputusan fatwa serta tahap penyelarannya antara kedua-dua institusi. Pendekatan kualitatif digunakan bagi menganalisis beberapa keputusan fatwa yang terpilih untuk menyingkap pola keseragaman atau ketidaksepakatan antara kedua-dua badan. Hasil kajian ini dijangka dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap proses pembuatan keputusan fatwa halal serta menjelaskan bagaimana peranan dan kerjasama antara institusi-institusi ini mempengaruhi pemahaman serta pelaksanaan hukum halal dalam masyarakat Islam di Malaysia. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 1: Tiada Kemiskinan, kajian ini juga menekankan kepentingan penyelarasan fatwa halal dalam menjamin kesejahteraan ekonomi umat Islam, memelihara hak pengguna Muslim, dan mengukuhkan kepercayaan terhadap pasaran halal yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan peluang ekonomi masyarakat.

Pengenalan

Malaysia seperti negara-negara Islam lain, menyaksikan bidang kefatwaan ini bertapak awal sejak kedatangan Islam semasa kesultanan Melayu Melaka di mana pemerintah telah melantik Kadi Yusuf dan Kadi Melewar untuk mentadbir hal ehwal berkaitan agama Islam. Menurut Roff pula, pada tahun 1820-an jawatan mufti telah wujud di Kelantan, dimana mufti sebagai pakar rujuk dalam hal keagamaan, selain memiliki kuasa kehakiman (Abdul Monir, 1998). Menurut Abdul Monir (1998) jawatan mufti mula diinstitusikan di Malaysia pada masa pentadbiran Inggeris, di mana mufti telah diletak dalam struktur pemerintahan dan diberi gaji yang tetap. Institusi ini terus berkembang dan melalui fasa-fasa perubahan, dimana pada awalnya institusi ini berada di bawah Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam di Negeri-Negeri, tetapi sejak kebelakangan ini (akhir 1990-an) pentadbiran institusi fatwa telah diasingkan dari Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan dikenali sebagai Jabatan Mufti.

Jabatan Mufti Negeri yang diketuai oleh Mufti adalah pihak yang berkuasa mengeluarkan fatwa di peringkat Negeri. Ini berdasarkan peruntukan dalam Enakmen atau Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri yang memperuntukkan seksyen khusus berhubung fatwa dan mufti, misalnya dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (2003) telah ditetapkan perkara perlantikan mufti dan timbalannya, fungsi mufti, jawatankuasa Fatwa dan kuasanya, tatacara pembuatan fatwa, fatwa yang diwartakan, pindaan, ubahsuaian dan pembatalan fatwa, fatwa yang mempunyai kepentingan nasional, menerima pakai syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa dan *qawl muktamad* yang diikuti dibincang dalam Seksyen 44 hingga 54 dalam Enakmen tersebut.

Sementara di peringkat persekutuan pula, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JMMKI) diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan pandangan hukum terutamanya yang berkait dengan kepentingan bersama antara negeri-negeri. Jawatankuasa ini merupakan satu jawatankuasa yang ditubuhkan secara pentadbiran oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang berperanan untuk menimbang, memutuskan dan mengeluarkan pandangan hukum atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja (Peraturan MKI, t.th.). Jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti setiap negeri dan ahli-ahli yang dilantik dan diperkenan oleh Majlis Raja-Raja. Keputusan Jawatankuasa ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerimanya tanpa pindaan sebagai fatwa negeri dan seterusnya diwartakan. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini juga akan dirafa'kan untuk perkenan Majlis Raja-Raja melalui MKI (Ahmad Tarmizi Mahmud et al., 2024).

Sejak penubuhannya banyak isu-isu hukum yang dibincangkan oleh JMMKI antaranya melibatkan isu berkaitan akidah, ibadah, muamalat dan ekonomi, sains dan perubatan, zakat, makanan dan minuman, munakahat dan kekeluargaan, haiwan, sosial dan masyarakat serta perundangan. Isu-isu berkaitan halal juga mendapat perhatian terutamanya ketika Jawatankuasa membincangkan isu makanan dan minuman, perubatan dan juga haiwan.

Permasalahan Kajian

Isu produk halal merupakan antara isu yang penting dan memerlukan perhatian terutamanya bila ia melibatkan soal pemakanan dan juga penggunaan bahan-bahan yang *syubhah* dalam kehidupan seharian seorang muslim. Timbul persoalan dan pertanyaan dikemukakan oleh masyarakat Islam dari seluruh negara berhubung status sesuatu produk makanan atau barang guna yang diragui kehalalannya. Pertanyaan dan kemusykilan berkaitan isu halal ini diterima dari pelbagai sumber, antaranya melalui pegawai audit halal yang melakukan lawatan dan audit di kilang-kilang yang memohon sijil halal, pertanyaan daripada orang awam yang musykil dan juga kes-kes yang berlaku yang menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat.

Kadangkala fatwa atau pandangan hukum telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berautoriti tetapi sesetengahnya terdapat perbezaan pendapat di kalangan mereka tentang apa yang boleh dianggap halal, terutamanya dalam isu yang kompleks atau baru muncul. Contohnya, isu mengenai penggunaan gelatin dari sumber bukan halal atau makanan yang mengandungi bahan GMO (*genetically modified organisms*). Ketidakselarasan pandangan juga boleh berlaku apabila perbezaan pandangan mazhab digunakan dalam penentuan hukum halal. Sungguhpun secara dasarnya mazhab Syafie merupakan mazhab yang diikuti oleh kebanyakan negeri di Malaysia, tetapi pandangan mazhab lain juga boleh diterimapakai dalam keadaan tertentu. Selain itu, penyelarasan pentadbiran fatwa antara negeri-negeri juga perlu diperhatikan supaya isu-isu yang bersifat nasional seperti isu-isu halal ini boleh dibincang secara harmoni dalam suatu forum atau wahana yang sesuai supaya tiada negeri yang mengambil pendirian sendiri dalam isu yang melibatkan kepentingan bersama (Muhamad Asni & Sulong, 2017).

Sehubungan itu, kajian ini ingin menilai sejauhmana penerimaan Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri terhadap pandangan hukum berkaitan isu produk halal yang dibincang di peringkat nasional melalui JMMKI. Ia juga boleh melihat penyelarasan yang telah berlaku dalam isu-isu produk halal yang telah diputuskan hukumnya di peringkat persekutuan yang kemudiannya dibawa pula ke peringkat Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri untuk tujuan pelaksanaan dan pewartaan sekiranya perlu.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan salah satu daripada aspek yang perlu diberi perhatian oleh para pengkaji supaya kajian yang dilakukan bersistematik dan teratur. Ia merupakan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data atau menganalisis data serta penghuraianya bagi mencapai objektif yang telah dicadangkan (Long, 2009). Metodologi yang akan diguna dalam kajian ini adalah kualitatif menggunakan kajian perpustakaan sepertimana berikut:

Dalam kajian bentuk ini penulis akan menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data yang melibatkan data historis dan dokumentasi serta kaedah analisis data.

Kaedah Pengumpulan Data

Penulis menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan maklumat detail tentang kajian yang dilakukan dan ia tentunya akan mengukuhkan lagi kajian berkenaan. Kaedah ini dilakukan dengan cara mengumpulkan data dan pentafsiran terhadap data yang terkumpul (Mat Diah, 1986). Antara data yang akan dikumpul adalah melibatkan data-data historis yang bernilai sejarah sejarah fatwa di Malaysia yang diperolehi melalui rujukan ilmiah daripada buku-buku, kertas kerja, artikel dan sebagainya.

Kaedah Analisis Data

Dalam kajian ini buku Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Cetakan ke 7 yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa atau Syariah dari setiap Negeri berkaitan isu-isu halal akan digunakan. Data-data yang telah terkumpul akan dianalisis berasaskan dua sumber iaitu sumber

primari dan sumber sekunder. Sumber primari ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan dikaji seperti dokumen, laporan, tesis dan karya asal penulis. Sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantaraan diantara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah. Selain itu kertas-kertas kerja yang disediakan untuk mendapatkan fatwa tersebut juga akan dikutip oleh penulis untuk tujuan penelitian dan penganalisaan (Awang, 2001).

Dalam kaedah analisis data ini, penulis akan menjelaskan data melalui pendekatan-pendekatan berikut (Awang, 2001);

- i. Pendekatan induktif di mana penulis akan mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelas atau menghuraikan fenomena yang dikaji. Secara generatif juga penulis akan mencari hubungan-hubungan antara fakta-fakta yang terkumpul untuk merumuskan dapatan daripada fakta tersebut.
- ii. Metod perbandingan, dimana ia merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan. Data yang diperolehi akan dikaji dan seterusnya dibuat perbandingan akan keterangan-keterangan dari sumber yang diperolehi, seterusnya mendapatkan kesimpulan atau keputusan dari kajian tersebut .

Selain daripada kajian perpustakaan, penulis juga akan melakukan kajian lapangan yang melibatkan kaedah temubual. Kaedah temubual digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk memperolehi maklumat tentang fakta, perasaan, kepercayaan dan aspek-aspek lain yang ingin diselidiki dalam sesuatu kajian atau penyelidikan (Awang, 2001). Dalam melaksanakan kaedah ini, penulis untuk melakukan pertanyaan secara dalam talian dan email terhadap beberapa responden terpilih melibatkan pegawai-pegawai di Jabatan Mufti Negeri-Negeri yang terlibat secara langsung dengan menyelidik dan mengurus fatwa di Malaysia.

Dapatan Kajian

Kajian ini akan menumpukan kepada beberapa perkara utama melibatkan proses penentuan hukum produk halal yang dibawa ke JMMKI dan Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri, peruntukan yang digunapakai dan seterusnya beberapa contoh isu berkaitan halal yang pernah dibincang di peringkat JMMKI dan Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri.

Kriteria Penentuan Hukum Produk Halal di Malaysia

Pada peringkat persekutuan, JAKIM dan MAIN merupakan pemain utama dalam persijilan halal mempunyai kuasa sebagaimana yang diperuntukkan kepadanya dalam Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 di mana dalam Seksyen 29 menyatakan, menteri boleh menamakan mana-mana pihak berkuasa untuk memperakukan, menandakan, membekalkan atau menawarkan ke atas sesuatu barangan termasuk yang berkaitan dengan pensijilan halal. Maka berdasarkan seksyen ini, Menteri KPDNKK mengeluarkan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Bagi penandaan logo dan pensijilan halal, JAKIM dan MAIN dinamakan sebagai agensi pensijilan halal di negara ini yang diiktiraf mengikut APD 2011, sekali gus tiada lagi logo halal lain kecuali logo halal Malaysia (Abdul Rahman, 2012).

Dalam memastikan kesemua perkara-perkara yang dinyatakan dalam akta ini dipatuhi dalam persijilan halal maka Jakim dengan kerjasama Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan beberapa standard halal iaitu garis panduan bagi memastikan industri makanan dan seumpamanya memenuhi keperluan asas yang ditetapkan sebelum diberikan persijilan halal Malaysia. Antaranya ialah MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum, MS 2200: 2012 Barang Gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan - Garis Panduan Umum, MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam - Bahagian 1: Kosmetik dan Dandanan Diri - Garis Panduan Umum, MS2424:2012: Halal *Pharmaceuticals – General Guidelines*, MS2400 -1: 2010 Halalan – *Toyyiban Assurance Pipeline – Part 1: Management System Requirements for Transportation of Goods And/ or Cargo Chain Services* dan MS 2400 -2:2010 Halalan – *Toyyiban Assurance Pipeline – Part 2: Management System Requirements for Warehousing and Related Activities*.

Selain Standard Halal Malaysia, rujukan lain yang dijadikan panduan dalam persijilan halal ialah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang menjadi dokumen rujukan bersekali dengan Standard Halal Malaysia. MPPHM adalah penjelasan kepada Standard Halal Malaysia yang mengandungi keterangan tentang prosedur permohonan sijil halal, proses persijilan, kadar fi dan sebagainya.

Dalam akta dan standard halal yang dibangunkan tersebut ada ditakrifkan maksud makanan halal seperti berikut:

- i. Apabila suatu makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu:
 - a. bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak dan Fatwa;
 - b. tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut Hukum Syarak dan Fatwa;
 - c. tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak dan Fatwa;
 - d. tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasil daripada yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak dan Fatwa;
 - e. tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
 - f. tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut Hukum Syarak dan Fatwa; dan
 - g. tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi sub-sub perenggan (a) dan (b).
- ii. Apabila perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu dijalankan mengikut Hukum Syarak.

Hukum syarak yang dimaksudkan dalam akta KPDN dan standard halal yang dibangunkan Jakim menurut tafsirannya adalah mengikut Akta atau Enakmen yang ada di negeri-negeri di seluruh Malaysia. Misalnya dalam seksyen 2, Akta 505 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (1993) mendefinisikannya sebagai undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf. Sementara dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan (2002), hukum syarak ditakrifkan sebagai mengikut mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanafi atau Hambali. Tafsiran yang sama dengan enakmen Keluarga Islam Kelantan juga telah dikemukakan dalam enakmen atau akta negeri-negeri lain kecuali dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2006) Perlis yang menyatakan hukum syarak ertinya hukum mengikut Ahli Sunnah Waljamaah. Secara amnya ia menunjukkan mengikut tafsiran sedia ada, hukum syarak adalah mengikut hukum yang ada dalam mazhab Syafie atau mazhab-mazhab lain yang diiktiraf.

Begitu juga, disebutkan dalam Akta mesti mematuhi fatwa yang didefinisikan (peringkat persekutuan) sebagai apa-apa ketetapan hukum yang disahkan oleh pihak berkuasa agama Islam (PPDTH 2011(Pindaan) 2012), iaitu yang disyorkan oleh JMMKI atau dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa di negeri-Negeri. Sementara fatwa di peringkat negeri didefinisikan sebagai apa-apa ketetapan hukum yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri. Namun, fatwa yang diwartakan sahaja akan mempunyai kesan perundangan (Jabatan Mufti Selangor, 2019).

Jika diteliti kepada peruntukan berkaitan fatwa dalam enakmen atau akta yang ada di negeri-negeri, ada dinyatakan pendapat yang perlu diikuti oleh mufti dalam mengeluarkan fatwa. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003), seksyen 54 misalnya menyatakan:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatan kuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.
- (2) Jika Jawatan kuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatan kuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.
- (3) Jika Jawatan kuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijthidat tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Peruntukan yang lebih kurang sama dinyatakan dalam enakmen atau akta di negeri lain, Kelantan misalnya dalam Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994), seksyen 37 menyatakan:

- (1) Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 36, Majlis atau Jamaah Ulama' hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie.
- (2) Jika Majlis atau Jamaah Ulama' berpendapat bahawa qaul yang muktamad dari Mazhab Syafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jamaah Ulama' bolehlah dengan keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan mengikut qaul dari mana-mana Mazhab Islam yang muktabar, kecuali dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, maka qaul Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah diikuti.

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan enakmen dan akta yang ada dalam menentukan produk halal di Malaysia, kriteria utama yang ditekankan ialah produk halal mesti mengikut hukum syarak dan fatwa yang diamalkan di Malaysia sama ada dikeluarkan oleh badan berautoriti di peringkat kebangsaan atau negeri. Penafsirannya berdasarkan garis panduan, enakmen atau akta sedia ada di peringkat kebangsaan atau negeri menunjukkan penentuan hukum sesuatu produk halal hendaklah mengambilkira keutamaan beramal dengan qaul muktamad dalam mazhab Syafie pada kelazimannya, walaupun pendapat-pendapat dalam mazhab lain juga boleh diterima pakai dalam sesetengah keadaan.

Beberapa Contoh Aplikasi Hukum Dalam Produk Halal

Berikut merupakan beberapa contoh aplikasi hukum berkaitan produk halal yang telah dibincang dan diputuskan oleh JMMKI dan Jawatankuasa Fatwa di beberapa negeri dalam isu yang sama sebagai perbandingan:

Alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan

i. Jawatankuasa Muzakarah MKI (2011)

Berdasarkan taklimat, pembentangan dan penjelasan yang disampaikan oleh pakar-pakar daripada Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia serta dengan mengambilkira keputusan-keputusan yang telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdahulu, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang membincangkan isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan pada 14 hingga 16 Julai 2011 telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

- i. Setiap minuman arak adalah mengandungi alkohol. Walaubagaimanapun bukan semua alkohol itu adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya haram dan najis.
- ii. Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh.

- iii. Minuman ringan yang diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum.
- iv. Manakala minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses membuat arak, sama ada mengandungi banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.
- v. Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kacang atau bijirin serta perahannya, atau alkohol yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan harus (boleh) dimakan/diminum.
- vi. Makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.
- vii. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.

ii. *Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang (2011)*

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-6/2011, Pada 30 Disember 2011 memutuskan:

Setiap minuman arak adalah mengandungi alkohol. Walaubagaimanapun bukan semua alkohol itu adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya haram dan najis.

Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh

Minuman ringan yang boleh diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum.

Manakala minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses membuat arak, samada mengandungi banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.

Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kacang atau bijirin serta perahannya, atau alkohol yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan harus (boleh) dimakan/diminum.

Makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.

Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.

iii. *Soal Jawab Agama, Jabatan Mufti Selangor (2019)*

Berdasarkan kepada respons yang dikemukakan dalam Soal Jawab Agama oleh Jabatan Mufti Selangor (2019), seorang penanya telah meminta penjelasan berkenaan hukum meminum minuman seperti "*alcohol-free beer*" atau "*alcohol-free wine*" yang mengandungi kadar alkohol sangat rendah (kurang daripada 0.5%), namun tidak memabukkan. Isu ini menjadi perhatian terutamanya dalam kalangan umat Islam yang berada di luar negara, apabila terdapat rakan Muslim yang berpendapat bahawa kandungan alkohol tersebut adalah tidak memabukkan dan setara dengan alkohol semula jadi yang terdapat dalam buah-buahan atau minuman berkarbonat.

Menjawab persoalan ini, Jabatan Mufti Selangor merujuk kepada keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 14–16 Julai 2011. Beberapa ketetapan penting telah digariskan berhubung hukum alkohol dalam makanan dan minuman:

- i. Setiap minuman arak mengandungi alkohol, tetapi tidak semua alkohol dikategorikan sebagai arak menurut hukum syarak.
- ii. Alkohol yang diperoleh melalui proses pembuatan arak adalah haram dan najis, termasuk jika disuling semula.
- iii. Alkohol yang bukan dihasilkan daripada proses pembuatan arak tidak dianggap najis, namun tetap haram diminum dalam bentuk aslinya kerana bersifat toksik dan boleh membahayakan nyawa.
- iv. Minuman ringan yang tidak dibuat dengan niat menghasilkan arak dan mengandungi alkohol di bawah paras 1% v/v adalah harus diminum, selagi ia tidak memabukkan.
- v. Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semula jadi — seperti daripada buah-buahan atau bijirin — atau yang terjadi sebagai hasil sampingan proses pembuatan, tidak dikira najis dan diharuskan.
- vi. Bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan dibenarkan sekiranya alkohol itu bukan daripada arak dan kadarnya tidak melebihi 0.5%.
- vii. Ubat-ubatan dan pewangi yang menggunakan alkohol sebagai pelarut turut diharuskan selagi tidak berasal daripada proses pembuatan arak.

Berdasarkan penjelasan ini, jelas bahawa penilaian terhadap minuman yang dilabel "*alcohol-free*" perlu dibuat dengan merujuk kepada niat dan proses penghasilannya, bukan semata-mata berdasarkan jumlah alkohol dalam produk akhir. Sekiranya ia dihasilkan dengan kaedah pembuatan arak — walaupun alkoholnya kemudian disuling keluar — ia tetap haram diminum menurut syarak. Namun, jika minuman tersebut bukan bertujuan menghasilkan arak dan kandungan alkoholnya rendah serta tidak memabukkan, maka ia boleh dipertimbangkan sebagai harus.

Kopi Luwak

i. Jawatankuasa Muzakarah MKI (2012)

Jawatankuasa Muzakarah MKI (Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah bersetuju memutuskan bahawa biji Kopi Luwak (musang) adalah bersifat *mutanajjis* dan ia harus dijadikan bahan minuman dengan syarat:

- i. Biji kopi tersebut masih dalam keadaan baik, tidak berlubang, tidak pecah dan dapat tumbuh jika ditanam; dan
- ii. Biji kopi tersebut hendaklah disucikan terlebih dahulu daripada najis.

Muzakarah juga memutuskan supaya Kopi Luwak yang dihasilkan hendaklah memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia daripada JAKIM atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf oleh JAKIM sebelum dipasarkan kepada masyarakat Islam.

ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (2013) Warta

Hukum meminum kopi luwak (musang) telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor pada 7 Oktober 2013. Sigah fatwanya seperti berikut:

1. Biji Kopi Luwak adalah bersifat mutanajjis. Walau bagaimanapun, ia harus dijadikan bahan minuman dengan syarat biji kopi tersebut hendaklah;

- i. Disucikan daripada najis; dan
- ii. Dalam keadaan baik, tidak berlubang, tidak pecah dan dapat tumbuh jika di tanam.

2. Kopi Luwak yang dihasilkan hendaklah mendapatkan sijil pengesahan halal JAKIM/MAIN.

iii. *Bayan al-Munir, Jabatan Mufti Terengganu*

Berdasarkan kepada pencerahan yang dikemukakan dalam *Bayan al-Munir* oleh Jabatan Mufti Terengganu, persoalan mengenai hukum meminum kopi luwak, iaitu kopi yang dihasilkan daripada biji kopi yang telah melalui sistem pencernaan haiwan musang (luwak), telah mendapat perhatian daripada pelbagai institusi fatwa dan ilmuwan Islam. Isu ini membabitkan persoalan najis, pensucian, dan keharusan penggunaannya dalam konteks hukum makanan dan minuman.

Kopi luwak dihasilkan apabila biji kopi dimakan oleh haiwan luwak dan seterusnya dikeluarkan bersama najisnya. Walaupun biji kopi tersebut tidak tercerna sepenuhnya kerana lapisan keras luarnya, proses ini menimbulkan persoalan hukum kerana ia melalui saluran najis. Biji kopi tersebut kemudiannya dikutip, dibersihkan dan diproses sebelum dijadikan minuman kopi.

Terdapat dua pandangan utama dalam menentukan hukum kopi luwak:

1. Pandangan yang mengharuskan penggunaannya, seperti yang dinyatakan oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan dipersetujui oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majelis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-98. Kedua-dua institusi ini memutuskan bahawa biji kopi yang keluar bersama najis adalah mutanajjis (terkena najis), dan boleh dijadikan minuman sekiranya syarat-syarat pensucian dipenuhi:
 - Biji kopi tersebut tidak rosak, pecah atau berlubang serta masih berkeupayaan tumbuh.
 - Biji kopi hendaklah dicuci dan disucikan daripada najis sebelum diproses.

Hujah utama bagi pandangan ini adalah bahawa najis yang terkena pada biji kopi tersebut dapat dihilangkan melalui proses pensucian, dan sifat asal biji kopi itu masih utuh dan tidak berubah secara fizikal atau kimia.

2. Pandangan yang melarang, seperti yang dikemukakan oleh Fadhilatu al-Syeikh Ahmad Hujji al-Kurdi, seorang anggota Jawatankuasa Fatwa Negara Kuwait dan pakar dalam *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. Beliau menyatakan bahawa adalah tidak harus meminum kopi luwak kerana ia berasal daripada najis, dan penggunaannya tidak dapat dipisahkan daripada sumber kenajisan tersebut. Dalam pandangan ini, keengganan menerima kopi luwak bukan sahaja bersandarkan kepada isu fiqh pensucian, tetapi juga kepada prinsip *ihhtiyat* (berhati-hati) dalam menjaga kesucian makanan daripada sebarang unsur yang meragukan.

Perbandingan kedua-dua pandangan ini menunjukkan bahawa isu kopi luwak berlegar dalam perbezaan antara kaedah fiqh *tathīr* (pensucian) dan pendekatan *saddu al-zarā'i* (menutup pintu syubhah). Dalam konteks Malaysia, fatwa yang lebih pragmatik telah diterima pakai dengan meletakkan syarat ketat kepada proses pembersihan sebelum ia boleh digunakan, selari dengan realiti amalan semasa dan prinsip *maqāsid al-sharī'ah* yang mengambil kira kepentingan umum (*maslahah*) (Alias et al., 2024; Hehsan & Wan Muhd Shukeri, 2021).

iv. *Irsyad al-Fatwa Bil. 142, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (2016)*

Apakah Berdasarkan *Irsyad al-Fatwa Bil. 142 (2016)* yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, persoalan berkaitan hukum meminum kopi luwak yang terdapat di pasaran masa kini turut dijelaskan dengan pendekatan yang meneliti pandangan fiqh dan realiti semasa. Dalam fatwa tersebut, ditegaskan bahawa kopi luwak dikategorikan sebagai "*mutanajjis*", iaitu biji kopi yang terkena najis akibat melalui sistem pencernaan haiwan musang (luwak). Walau bagaimanapun, setelah melalui proses pencucian dan pemprosesan yang sempurna, biji kopi tersebut tidak lagi dianggap najis dan hukum meminumnya adalah harus.

Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip fiqh mengenai *tathīr* (pensucian), yang memperakui bahawa sesuatu bahan yang terkena najis boleh kembali kepada keadaan suci jika dibersihkan dengan sempurna, selagi zat asalnya tidak berubah. Justeru, dalam konteks kopi luwak, proses pembersihan dan pemprosesan memainkan peranan penting dalam memastikan kesuciannya sebelum dibenarkan untuk dimakan atau diminum.

Selain itu, fatwa ini turut mengambil kira keputusan para ulama di Indonesia, yang secara umum mengharuskan pengambilan kopi luwak atas asas keilmuan dan kefahaman mereka yang mendalam terhadap proses dan amalan setempat. Pengiktirafan terhadap fatwa luar ini menunjukkan keterbukaan pendekatan fiqh kontemporari dalam menerima pandangan yang berdasarkan realiti setempat yang diketahui secara langsung oleh ulama tempatan.

Namun begitu, dalam kesimpulannya, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan turut menekankan kepentingan berpegang kepada prinsip halalan tayyiban, iaitu memastikan bahawa sesuatu makanan bukan sahaja halal dari segi hukum tetapi juga bersih, baik dan tidak menimbulkan keraguan. Umat Islam diseru untuk sentiasa berwaspada dalam memilih makanan dan minuman agar tidak terjebak dalam perkara yang syubhah, selari dengan sabda Nabi SAW tentang pentingnya menjaga kesucian dan kehalalan pemakanan sebagai asas ibadah dan pembentukan jasad yang sejahtera.

Hukum Plasma Darah

i. Jawatankuasa Muzakarah MKI (2020)

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-117 yang bersidang pada 25 hingga 29 Ogos 2020 telah membincangkan mengenai Hukum Plasma Darah dalam Makanan Menurut perspektif Islam dan memutuskan seperti berikut:

- (a) Penggunaan darah mengalir dalam segala jenis makanan atau minuman adalah haram secara ijmak.
- (b) Penggunaan plasma darah dalam produk makanan dan minuman semasa adalah haram berdasarkan hujah-hujah berikut:

Tidak berlaku sebarang proses istihalah tammah dalam penggunaan plasma darah. Produk makanan yang mengandungi plasma darah tidak menepati konsep istihalah kerana walaupun telah melalui proses perubahan tetapi ia tidak berlaku secara sempurna. Ini kerana plasma darah masih boleh dikesan pada produk akhir walaupun telah melalui proses perubahan kimia.

Penggunaan plasma darah dalam makanan dan minuman tidak sampai ke tahap mendesak atau darurat. Kaedah fiqh yang terkait dengan keadaan darurat ialah:

الضَّرُورَاتُ تُبَيِّحُ الْمَحْظُورَاتِ

Terjemahan: “Darurat (terdesak) boleh mengharuskan perkara yang dilarang”.

Berdasarkan kaedah fiqh yang dibincangkan, jelas bahawa makanan yang mengandungi plasma darah hanya boleh dimakan atau dimanfaatkan ketika berada dalam keadaan benar-benar darurat sahaja namun tidak boleh sewenangnyanya diamalkan. Penggunaan plasma darah dalam produk makanan pada masa kini tidak mencapai tahap yang boleh dianggap sebagai darurat.

Masih terdapat alternatif daripada sumber protein selain plasma darah. Sumber protein dalam makanan boleh diganti daripada sumber lain seperti gelatin halal dan protein tambahan

ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (2022) Warta

Hukum plasma darah telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor pada 5 Ogos 2022. Sighah fatwanya seperti berikut:

Penggunaan plasma darah dalam segala jenis makanan atau minuman adalah haram berdasarkan hujah-hujah berikut:

- (a) Tidak berlaku sebarang proses istihalah tammah.
- (b) Penggunaan plasma darah dalam makanan atau minuman tidak sampai ke tahap mendesak atau darurat kerana masih terdapat alternatif daripada sumber protein yang halal selain plasma darah.

iii. Irsyad Hukum Bil. 24, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (2021)

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 25 Zulhijjah 1422H bersamaan 4 Ogos 2021M telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-117 sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Plasma Darah Menurut Perspektif Islam seperti berikut:

- (a) Penggunaan darah mengalir dalam segala jenis makanan atau minuman adalah haram secara ijmak.
- (b) Penggunaan plasma darah dalam produk makanan dan minuman semasa adalah haram berdasarkan hujah-hujah berikut:

Tidak berlaku sebarang proses istihalah tammah dalam penggunaan plasma darah. Produk makanan yang mengandungi plasma darah tidak menepati konsep istihalah kerana walaupun telah melalui proses perubahan tetapi ia tidak berlaku secara sempurna. Ini kerana plasma darah masih boleh dikesan pada produk akhir walaupun telah melalui proses perubahan kimia.

Penggunaan plasma darah dalam makanan dan minuman tidak sampai ke tahap mendesak atau darurat. Kaedah fiqh yang terkait dengan keadaan darurat ialah:

الضَّرُورَاتُ تُبَيِّحُ الْمَحْظُورَاتِ

Terjemahan: “Darurat (terdesak) boleh mengharuskan perkara yang dilarang.”

Berdasarkan kaedah fiqh yang dibincangkan, jelas bahawa makanan yang mengandungi plasma darah hanya boleh dimakan atau dimanfaatkan ketika berada dalam keadaan benar-benar darurat sahaja namun tidak boleh sewenangnyanya diamalkan. Penggunaan plasma darah dalam produk makanan pada masa kini tidak mencapai tahap yang boleh dianggap sebagai darurat.

Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal

i. Jawatankuasa Muzakarah MKI (2020)

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-117 yang bersidang pada 25 hingga 29 Ogos 2020 telah membincangkan mengenai Hukum Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal. Muzakarah berpandangan bahawa Asid Tartarik adalah harus digunakan dalam industri makanan sekiranya:

- i. Sumber, proses dan hasilan adalah jelas dan bebas dari unsur najis dan perkara yang diharamkan. Ia bersesuaian dengan kaedah fiqh الأصل في الأشياء الإباحة bermaksud asal sesuatu adalah harus; dan
- ii. Telah berlaku istihalah secara semulajadi semasa pemprosesan wine.

ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang (2017) Warta (14 Mac 2019)

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 yang bersidang pada 24-25 Oktober 2017 telah membincangkan mengenai Hukum Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal. Mesyuarat memutuskan bahawa:

(i) Asid tartarik yang menggunakan *wine-lees* adalah haram kerana:

- a. ia terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak.
- b. Istihalah yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan. Tetapi proses nyah alkohol secara penyulingan *wine-lees* tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.

(ii) Asid tartarik yang bukan berasal daripada *wine-lees* adalah dibenarkan.

iii. Muzakarah Majlis Fatwa Sabah (2017)

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 2017 telah bersidang pada 23-24 Mei 2017 / 26-27 Syaaban 1438H bagi membincangkan mengenai perkara “Hukum Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Bahan yang berpunca dari arak adalah haram.
2. Asid tartarik yang menggunakan *wine-lees* adalah haram kerana
 - i. ia terhasil daripada pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak.
 - ii. Istihalah yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan. Proses nyah alkohol secara penyulingan *wine-less* tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.
3. Asid tartarik yang bukan berasal daripada *wine-lees* adalah dibenarkan.
 - i. Irsyad Hukum Bil. 26 , Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (2021)
 - ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 25 Zulhijjah 1422H bersamaan 4 Ogos 2021M telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-117 sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal. Jawatankuasa berpandangan Asid Tartarik adalah harus digunakan dalam industri makanan sekiranya:
 - iii. Sumber, proses dan hasilan adalah jelas dan bebas dari unsur najis dan perkara yang diharamkan. Ia bersesuaian dengan kaedah fiqh الأصل في الأشياء الاباحة bermaksud asal sesuatu adalah harus; dan
 - iv. Telah berlaku istihalah secara semulajadi semasa pemprosesan *wine*.

Kepenggunaan Haiwan Jallalah Dalam Industri Akuakultur di Malaysia

i. Jawatankuasa Muzakarah MKI (2021)

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-119 yang bersidang pada 7 hingga 9 April 2021 telah membincangkan mengenai Kepenggunaan Haiwan Jallalah Dalam Industri Akuakultur di Malaysia. Muzakarah berpendapat seperti berikut:

1. Haiwan jallalah bermaksud binatang yang dagingnya berbau busuk disebabkan memakan najis dan/atau hidup di persekitaran najis;
2. Haiwan yang ditenak dan dengan sengaja diberikan makan makanan daripada najis ‘aini atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis sama ada najis itu dalam kategori najis *mughallazah* atau *mutawassitah* adalah haiwan yang diharamkan daripada dimakan jika tidak dilakukan proses kuarantin;

3. Kaedah kuarantin haiwan *Jallalah* Akuakultur:

- a. Haiwan tersebut perlu diasingkan daripada ruang ternakan asal ke ruang baharu yang bebas daripada elemen najis;
- b. Ketika tempoh kuarantin dilakukan, haiwan tersebut boleh dibiarkan tanpa makan apa-apa makanan, atau diberi makan dengan makanan yang bersih bebas daripada elemen najis; dan
- c. Tempoh umum kuarantin adalah sekurang-kurangnya 3 hari dan hendaklah dipastikan hilang bau busuk. Jika selepas tempoh kuarantin tersebut, masih ada kesan bau busuk najis pada haiwan tersebut, maka tempoh kuarantin perlu ditambah sehingga bau busuk itu hilang.

ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke 53, 23-24 Jun 2021

Hukum Memakan Haiwan Akua (Haiwan Air) Yang Diternak Dan Diberi Makan Najis

1. Binatang yang dagingnya berbau najis disebabkan memakan atau diberi makan najis atau hidup di persekitaran najis dipanggil *Jallalah*.
2. Sehubungan dengan itu haiwan Akua (haiwan air) yang diberi makan najis, sehingga memberi kesan kepada isinya termasuk di dalam *jallalah*. Hukum memakan haiwan *Jallalah* ini adalah menimbulkan khilaf dalam kalangan ulama.
3. Setelah menilai dan meneliti khilaf ulama tersebut, jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mentarjihkan haram memakan ikan, udang atau apa sahaja haiwan air yang isinya berbau najis. Hukum haram itu kekal sehingga hilang bau tersebut.
4. Adalah dicadangkan untuk haiwan akua dikuarantin selama tiga hari dengan diberi makanan yang bersih atau tanpa memberi makanan bagi tujuan menghilangkan bau najis tersebut. Apabila bau dan kesan najis itu hilang sama ada sebelum atau selepas tiga hari, maka haiwan akua tersebut boleh dimakan jika tidak membawa kemudaratannya.
5. Hukum memberi makanan najis kepada haiwan ternakan yang hendak dimakan adalah haram. Maka memberi makan ikan atau haiwan ternakan akua yang lain dengan makanan yang najis bertujuan untuk dimakan adalah haram. Adapun makanan haiwan ternakan yang tercemar dengan najis yang sedikit adalah dimaafkan jika tidak membawa kemudaratannya.
6. Ikan atau haiwan akua yang pada zahirnya bersih maka dihukum bersih, tidak diwajibkan menyelidiki dengan lebih mendalam melainkan jika terdapat kesan najis pada haiwan berkenaan.
7. Penjual yang mengetahui haiwan jualannya itu *jallalah* hendaklah memaklumkan kepada pembeli.

Analisis Keputusan Hukum Berkaitan Produk Halal

Penerimaan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri terhadap Keputusan Hukum JMMKI

Berdasarkan penilaian terhadap lima isu halal yang dinyatakan dalam contoh di atas maka secara amnya Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri menerimapakai keputusan hukum yang telah dikeluarkan oleh JMMKI berkaitan isu halal. Ia boleh dilihat berdasarkan hukum yang sama telah dikeluarkan oleh JMMKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri yang mengeluarkan pandangan hukum atau fatwa berkaitan isu tersebut, malahan sesetengah Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri secara jelas menyatakan perakuan mereka untuk menerimapakai keputusan yang telah dibuat oleh JMMKI sepertimana Irsyad Hukum berkaitan isu hukum plasma darah dan asid tartarik yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak. Ini secara tidak langsung menunjukkan wujudnya perhubungan, kerjasama dan sikap saling menerima antara JMMKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dalam menangani isu-isu halal yang berlaku di negara ini.

Kajian seterusnya mendapati terdapat juga sebahagian kecil Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri yang tidak menerima sepenuhnya keputusan hukum yang dikeluarkan oleh JMMKI. Mereka menerima tetapi dengan pengurangan atau penambahan sighah selepas dibincang di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri sebagaimana dapat dilihat dalam Warta kerajaan Negeri Selangor berkaitan isu plasma darah, begitu juga perubahan tajuk dan penambahan sighah yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berkait isu haiwan jallalah dalam industri akuatik.

Terdapat satu pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Terengganu berkait isu hukum kopi luwak, dimana mereka telah memberi dua pandangan hukum kepada masyarakat berkaitan isu tersebut, seolah-olah masyarakat diberi pilihan untuk beramal dengan salah satu daripada dua pandangan tersebut.

Menurut informan kajian A, keselarasan pandangan hukum dalam kebanyakan isu halal antara JMMKI dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri pada pandangan penulis berlaku kerana pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri secara dasarnya bersetuju bahawa isu halal ini merupakan isu nasional yang perlu diselaraskan keputusannya secara bersama di peringkat kebangsaan melalui JMMKI, ia selaras dengan peruntukan yang dibuat dalam enakmen pentadbiran agama Islam atau enakmen fatwa yang ada negeri-negeri yang menyatakan jika Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menengkuhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan Mufti hendaklah menyebarkan maklum perkara itu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan (Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri Kedah, 2008). Sehubungan itu, jika dilihat kebanyakan keputusan atau fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri berkaitan isu halal seperti yang dinyatakan di atas hanya dibincang dan dikeluarkan sekiranya ada pertanyaan daripada orang awam di negeri berkenaan, sekiranya tiada pertanyaan maka Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri tidak akan membincangkannya kerana ia bersifat kebangsaan dan berkepentingan nasional. Jabatan Mufti Negeri juga pada kebiasaannya hanya membincang dan memutuskan hukum berkaitan isu halal selepas perbincangan dan mesyuarat JMMKI didakan supaya penyelarasan isu-isu nasional dapat dilakukan.

Selain itu, penerimaan dan penyelarasan standard halal dan manual prosedur persijilan halal yang digunapakai berkaitan isu halal di Malaysia telah diperakui oleh semua negeri, dimana dalam standard dan manual tersebut ditekankan tentang kepatuhan kepada keputusan hukum yang dikeluarkan oleh JMMKI atau fatwa yang diwartakan oleh negeri-negeri (Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga), 2014).

Maklumbalas Jabatan Mufti Negeri-Negeri Berkaitan Isu Halal yang Tiada Keputusan Hukum

Kajian juga mendapati bukan semua Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri yang membincangkan setiap isu halal yang telah dikeluarkan oleh JMMKI. Terdapat isu yang hanya dibincang dan dibawa oleh satu atau dua Jawatankuasa Fatwa Negeri sahaja., manakala negeri-negeri lain tidak atau belum lagi membincangkannya dalam Jawatankuasa Fatwa di negeri masing-masing. Sehubungan itu, timbul persoalan sejauhmana penerimaan mereka terhadap isu halal tersebut, adakah ia di terima tanpa sebarang perbincangan atau di tolak oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri terbabit.

Temubual secara talian terhadap beberapa orang pegawai di Jabatan Mufti Negeri mengenai perkara tersebut mendapat maklumbalas sepertimana berikut:

- i. Beberapa Jabatan Mufti yang dihubungi menyatakan bahawa keputusan atau pandangan hukum berkaitan isu halal yang dibincang dan diputuskan dalam JMMKI tetapi tidak dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri secara asasnya diterima dan dijadikan sebagai rujukan serta panduan dalam menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat. Menurut informan kajian B dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam temu bual pada 14 Jun 2024, apabila masyarakat bertanya kepada Jabatan Mufti Negeri berkenaan tentang sesuatu isu halal yang belum lagi dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa, pegawai di Jabatan Mufti boleh merujuk dan menjawab berdasarkan keputusan yang telah diputuskan oleh JMMKI. Pendapat yang sama turut dinyatakan oleh informan kajian C dari Jabatan Mufti Melaka dalam temu bual yang dijalankan pada tarikh yang sama. Malahan, menurut informan kajian D dari Jabatan Mufti Pulau Pinang dalam temu bual pada 19 Jun 2024, terdapat negeri yang

berpandangan bahawa apa-apa isu yang bersifat kebangsaan tidak akan dibincangkan di peringkat negeri, sebaliknya diterima sepenuhnya berdasarkan keputusan di peringkat kebangsaan, dan masyarakat yang bertanya diminta atau boleh merujuk terus kepada keputusan hukum tersebut.

- ii. Sementara itu, beberapa Jabatan Mufti yang lain menyatakan pandangan yang berbeza. Menurut informan kajian E dari Jabatan Mufti Kelantan dalam temu bual pada 12 Jun 2024, sekiranya masyarakat bertanya tentang isu halal yang telah dibincang dan diputuskan dalam JMMKI tetapi belum dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri, maka keputusan untuk memberi jawapan bergantung kepada pertimbangan Sahibus Samahah Mufti, sama ada untuk menjawab secara terus atau membawanya ke dalam perbincangan Jemaah Ulama, memandangkan keputusan JMMKI tidak mengikat kuasa fatwa di negeri-negeri. Pegawai dari Jabatan Mufti Johor yang ditemu bual pada 13 Jun 2024 pula menyatakan bahawa sekiranya sesuatu isu fatwa, termasuk isu halal, ditanya oleh masyarakat Islam di Johor, maka isu tersebut akan dibawa terlebih dahulu ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri, walaupun ia telah dibincangkan di peringkat kebangsaan. Menurut informan kajian A dari Jabatan Mufti Pahang dalam temu bual pada 19 Jun 2024, hampir kesemua isu halal yang dibincangkan di peringkat JMMKI akan dibawa untuk perbincangan lanjut di peringkat negeri, kecuali isu-isu yang masih belum mempunyai keputusan. Sekiranya tiada keputusan fatwa negeri, maka jawapan yang diberikan kepada masyarakat adalah secara umum berdasarkan pandangan dalam kitab-kitab fiqh yang muktabar. Sementara itu, pegawai dari Jabatan Mufti Terengganu melalui maklum balas emel bertarikh 23 Jun 2024 menyatakan bahawa semua keputusan hukum yang diputuskan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI diterimapakai. Namun begitu, sekiranya terdapat permintaan daripada agensi, jabatan atau individu berkaitan sesuatu isu yang telah diputuskan oleh JMMKI, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan dan mengeluarkan keputusan fatwa berdasarkan pandangan yang telah dibuat di peringkat Muzakarah MKI.

Kesimpulan

Berdasarkan penelitian terhadap keputusan hukum atau fatwa berkenaan isu-isu halal yang dikaji serta hasil temu bual bersama pegawai di Jabatan Mufti Negeri, secara asasnya Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri boleh menerimapakai keputusan hukum yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JMMKI) berkaitan isu halal. Hal ini dibuktikan melalui beberapa Irsyad Hukum yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri, yang memperakui dan mengguna pakai keputusan hukum yang telah diputuskan oleh JMMKI. Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa Jabatan Mufti yang merujuk kepada keputusan JMMKI dalam memberikan respons terhadap persoalan masyarakat berkaitan isu halal. Dalam masa yang sama, terdapat juga Jabatan Mufti yang menerima keputusan tersebut secara umum, namun akan membawanya ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri sekiranya terdapat permintaan rasmi daripada agensi atau individu yang memerlukan pandangan hukum atau fatwa negeri secara formal.

Penyelarasan pandangan hukum atau fatwa dalam isu halal sememangnya penting untuk dikekalkan kerana isu halal bersifat global, dan Malaysia merupakan antara negara Islam yang diiktiraf sebagai peneraju dalam industri halal di peringkat antarabangsa. Penyelarasan di peringkat kebangsaan dapat menjamin konsistensi status halal sesuatu produk serta mengelakkan kemusykilan dan keraguan dalam kalangan pengguna. Tambahan pula, keselarasan pandangan hukum ini akan memudahkan penggubalan peraturan atau garis panduan yang berkaitan dengan pensijilan halal, selari dengan kemaslahatan umum dan objektif syariah (*maqāṣid al-sharī'ah*) itu sendiri.

Rujukan

- Abdul Rahman, M. Y. (2012). "*Akta Perihal Dagangan 2011 berkuatkuasa 1 Januari 2012*". <http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/perubahan-iklim/758-akta-perihal-dagangan-2011-berkuat-kuasa-1-januari-2012>
- Ahmad Tarmizi Mahmud et.al (2024). *Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama*
- Alias, M. A. A., Mohd Jailani, M. R., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024). The integration of five main goals of shariah in the production of science and technology for human well-

- being. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 1–16. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v5i1.79>
- Alias, M. N., Abdullah, M. N., Kamis, M. S., Afandi, A. J., & Alias, N. (2024). Scientific approach as the basis for the formation of maqāsid al-sharī'ah concept and principles: A comparative study. (2024). *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(2), 350-363. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no2.568>
- Awang, I. (2001). *Kaedah penyelidikan: Suatu sorotan*. Intel Multimedia and Publication.
- Hehsan, M. R., & Wan Muhd Shukeri, W. F. (2021). A review on decision protocol and fatwa in Malaysia discussing issue of withholding and withdrawal of life-sustaining treatment in intensive care unit. (2021). *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 1-18. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol9no2.296>
- Islam Malaysia 2022: Ulasan Terhadap Pindaan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 29. No.3. USIM.
- Jabatan Mufti Selangor. (2019). “*Carian soal jawab agama*”. <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=1556>
- Jabatan Mufti Terengganu. (t.th.). *Bayan al-Munir*. <http://mufti.terengganu.gov.my/index.php/bayan-almunir/persoalan/465-hukum-meminum-kopi-musang-luwak>
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). “*Irsyad al-Fatwa bil. 142*”. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/1865-irsyad-al-fatwa-ke-142-apakah-hukum-meminum-kopi-luwak>
- Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (2024). http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan
- Long, A. S. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam* (Edisi ke-5). Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Diah, A. H. (1986). *Falsafah pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi di Malaysia* (Disertasi PhD). Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Kalijogo.
- Muhamad Asni, M. F. A. H., & Sulong, J. (2018). Penyelarasan fatwa antara negeri-negeri: Analisis amalan dan kaedah penyeragamannya di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 86–109. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.41>
- Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (t.th.). *Perkara 14* (hlm. 4).
- Yaacob, A. M. (1998). *Perkembangan institusi mufti di Malaysia*. Dalam A. M. Yaacob & W. R. A. Majid (Pyt.), *Mufti dan fatwa di negara-negara ASEAN* (hlm. 119). Institut Kefahaman Islam Malaysia.